

**FAKTOR-FAKTOR PENYEBAB MASALAH DISIPLIN
DI KALANGAN PELAJAR DI SEKOLAH MENENGAH
DALAM DAERAH KUBANG PASU**

**PROJEK SARJANA INI DISERAHKAN KEPADA SEKOLAH SISWAZAH
UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN
IJAZAH SARJANA SAINS (PENGURUSAN PENDIDIKAN)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**DISEDIAKAN OLEH:
NOR HASHIMAH OSMAN (82295)**

**SEKOLAH SISWAZAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

MAC 2003

KEBENARAN MENGGUNA

Kertas Projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan pengajian program sarjana di Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan Universiti Utara Malaysia menggunakannya sebagai bahan rujukan. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, mestilah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada penyelia saya atau Dekan Sekolah Siswazah. Sebarang bentuk penyalinan, penerbitan atau penggunaan Kertas Projek ini yang bermotifkan keuntungan kewangan tidak dibenarkan sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada saya, Universiti Utara Malaysia dan saya sendiri berhak diberi pengiktirafan sekiranya terdapat bahagian daripada Kertas Projek ini yang diterbitkan dalam apa jua bentuk untuk tujuan pembelajaran.

Permohonan untuk mendapatkan kebenaran menyalin atau menggunakan Kertas Projek ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya perlulah dialamatkan kepada :

Dekan Sekolah Siswazah

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah Darul Aman

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya maka projek sarjana ini dapat disempurnakan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan khas kepada Tn. Haji Mohd. Ismail Othman selaku penyelia di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar dalam proses menyiapkan projek sarjana ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah dan kakitangan Sekolah Siswazah Universiti Utara Malaysia yang telah memberikan bantuan dan kerjasama sama ada secara langsung atau tidak langsung semasa saya menjalankan kajian ini. Penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pengetua-pengetua, guru-guru serta responden dari empat buah sekolah menengah di Daerah Kubang Pasu yang telah memberikan kerjasama semasa kajian ini dijalankan.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan khas kepada arwah ibu serta ayah tersayang. Paling istimewa ucapan terima kasih ini ditujukan buat suami tercinta Noor Azali bin Aziz serta anak-anak tersayang Nor Robiatul Adawiyah dan Noor Mohamad Zhohiruddin di atas doa, kesabaran, sokongan, dorongan, pengorbanan serta kasih sayang yang telah diberikan dalam usaha saya untuk memperolehi kejayaan dan kecemerlangan dalam kehidupan.

Akhir sekali tidak lupa ucapan terima kasih ini ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan dan rakan sekerja terutamanya kepada Yang Mulia Tunku Salha bt. Tunku Ahmad dan Anis Turmudi yang telah banyak memberi dorongan, bantuan serta sokongan semasa pengajian dan semasa menyiapkan projek sarjana ini.

Sekian, wassalam.

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis faktor-faktor penyebab masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah di beberapa buah sekolah dalam Daerah Kubang Pasu, Kedah Darul Aman. Ia juga bertujuan menentukan apakah faktor yang paling dominan dalam mempengaruhi kewujudan masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah. Subjek kajian terdiri daripada 322 orang pelajar tingkatan empat yang sedang belajar di empat buah sekolah menengah dalam Daerah Kubang Pasu iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Changlun, Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Kayu Hitam, Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Hitam dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Bendahara. Sampel terdiri daripada 60.7 peratus pelajar lelaki dan 39.3 peratus pelajar perempuan. Sebanyak 77 peratus terdiri daripada pelajar yang berumur 16 tahun, 21.1 peratus terdiri daripada pelajar yang berumur lebih 16 tahun dan baki, 1.9 peratus adalah pelajar yang berumur 15 tahun.

Data dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu latar belakang diri responden, masalah disiplin yang sering dilakukan dan maklumat tentang faktor penyebab kepada masalah disiplin. Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini ialah masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah manakala pemboleh-ubah bebas ialah faktor penyebab kepada kewujudan masalah disiplin di sekolah iaitu faktor diri pelajar itu sendiri, keluarga, rakan sebaya dan guru.

Seterusnya analisis data yang dilakukan dibahagikan kepada empat bahagian iaitu analisis deskriptif statistik perihalan yang memberikan maklumat tentang latar belakang responden, analisis kekerapan yang menunjukkan kekerapan responden terlibat dengan masalah disiplin dalam tempoh sebulan, analisis ujian kebolehpercayaan dengan menggunakan 'Cronbach Alpha' untuk mengenal pasti faktor-faktor penyebab kepada masalah disiplin di kalangan responden dan analisis Korelasi Mudah Pearson untuk menentukan secara statistik kewujudan dan kekuatan korelasi antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar.

Berdasarkan nilai Cronbach's Alpha dan nilai pekali Korelasi Mudah Pearson yang diperolehi, keputusan kajian menunjukkan tiga pemboleh ubah bebas yang dimasukkan dalam kajian iaitu faktor rakan sebaya, guru dan diri pelajar itu sendiri mempunyai hubungan yang signifikan (secara statistik) dengan kewujudan masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah. Faktor keluarga didapati tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan kewujudan masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah dalam Daerah Kubang Pasu.

ABSTRACT

This study analyzes factors that cause discipline problems among secondary-school students in selected schools in the district of Kubang Pasu, Kedah. It also seeks to determine the most dominant factor that affects secondary-school students' discipline. The subjects of the research consist of 322 Form Four students selected from Sekolah Menengah Kebangsaan Changlun, Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Kayu hitam, Sekolah Menengah Kebangsaan Air Hitam, Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Bendahara. The sample was made up of 60.7 percent male and 39.3 percent female, of which 77 percent were 16 years of age, 21.1 percent were above the age of 16 while the remaining percentage of respondents were 15 years of age.

Data were collected using questionnaires that comprise three sections: a) respondents' demographic information, b) information regarding the prevalent types of discipline problems, and c) information regarding the factors that cause discipline problems.

The dependent variable under study is the discipline problems among secondary-school student while the independent variables are the cause factors that originate from the students themselves, families, peers and teachers. The data analysis is conducted into four section: a) descriptive analysis which provides demographic information about the respondents, b) frequency counts that show the frequency of

respondent involvement in discipline problem in the period of one month, c) Cronbach's Alpha reliability test to identify cause factors among respondents and d) person correlation is used to determine the existence and strength of correlation between the dependent variables and the independent variables.

Findings indicate that there are three independent variables that affect discipline problems, the most dominant of which is the respondents' peers. Family factor is shown not to have a statistically significant relationship with discipline problems among secondary-school students in the district of Kubang pasu.

KANDUNGAN

KEBENARAN MENGGUNA	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK (BAHASA MELAYU)	iv
ABSTRACT (BAHASA INGGERIS)	vi
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
BAB SATU : PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Hipotesis Kajian	12
1.7 Signifikan Kajian	13
1.8 Skop dan Batasan Kajian	14
1.9 Definisi Operasi	15
BAB DUA : ULASAN KARYA	18
2.1 Pengenalan	18
2.2 Masalah Disiplin di Sekolah	18

2.3	Faktor-faktor Wujudnya Masalah Disiplin di Sekolah	22
2.3.1	Diri Pelajar	22
2.3.2	Ibu Bapa	24
2.3.3	Rakan Sebaya	25
2.3.4	Guru	26
2.4	Kesimpulan	27
 BAB TIGA : METODOLOGI		28
3.1	Pendahuluan	28
3.2	Kerangka Konseptual Kajian	28
3.3	Reka bentuk Kajian	29
3.4	Instrumen kajian	30
3.5	Kajian Rintis	32
3.6	Populasi dan Sampel Kajian	32
3.7	Prosedur Kajian	34
3.8	Kaedah Pengumpulan Data	34
3.9	Kaedah Menganalisis Data	35
 BAB EMPAT : ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN		36
4.1	Pengenalan	36
4.2	Latar belakang Responden	38
4.3	Masalah Disiplin Di kalangan Responden	42
4.4	Faktor Diri Pelajar Sendiri	46

4.5	Faktor Keluarga	52
4.6	Faktor Rakan Sebaya	60
4.7	Faktor Guru	70
4.8	Kesimpulan	78

BAB LIMA : PERBINCANGAN DAN RUMUSAN	80
--	-----------

5.1	Pengenalan	80
5.2	Peranan KBSM	81
5.3	Diri Pelajar	83
5.4	Ibu Bapa	83
5.5	Guru	84
5.6	Rakan Sebaya	85
5.7	Persekitaran Sekolah	86
5.8	Cadangan Untuk Mengatasi Masalah Disiplin	87
5.9	Implikasi kajian	88
5.10	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	89
5.11	Penutup	91

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Halaman
2.1	19
3.1	33
4.1	39
4.2	40
4.3	41
4.4	43
4.5	47
4.6	48
4.7	53
4.8	55
4.9	61
4.10	63
4.11	71
4.12	73

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1	29

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Permasalahan disiplin merupakan perkara pokok yang telah menarik perhatian pendidik, kaunselor, ibu bapa, guru, pemimpin dalam sesebuah negara dan masyarakat. Masalah kurang disiplin di sekolah perlu diberi perhatian bersama-sama oleh guru dan ibu bapa. Jika perlu, bantuan polis boleh diminta terutama dalam kes-kes yang serius seperti membunuh, merogol, mencuri dan sebagainya. Antara masalah disiplin yang wujud dalam arena pendidikan kita di Malaysia termasuklah ponteng sekolah, ponteng kelas, menghisap rokok, merayau-rayau di pusat membeli belah, meniru pakaian ala barat seperti bersolek dan memakai anting-anting, kurang menghormati guru, mencuri barang atau wang orang, 'vandalisme', datang lewat ke sekolah, meniru dan menipu dalam peperiksaan, menagih dadah, mengugut guru, guru besar, kawan-kawan dan lain-lain lagi.

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan masalah disiplin seperti yang disenaraikan. Faktor diri pelajar itu sendiri dan individu lain yang berkaitan dengan kehidupan pelajar seperti ibu bapa, guru, rakan sebaya dan masyarakat juga merupakan penyumbang ke arah berlakunya masalah disiplin di kalangan pelajar hari ini.

The contents of
the thesis is for
internal user
only

RUJUKAN

- Abdullah Salleh. (1979). ***Pelanggaran Peraturan Disiplin Di Sekolah-sekolah Menengah Di Pord Dickson***. Sarjana Pendidikan Universiti Malaya. Abstrak Tesis/kajian Kes Disiplin Pelajar Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia, Seminar Disiplin Pelajar Kebangsaan 1996.
- Ahmad Jaffni Hassan. (1991). ***Situasi disiplin Sekolah : Sorotan Imbas Sebuah Laporan Kaji Selidik dalam Rohaty Mohd. Majzub, T. Subahan Mohd. Meerah, Faridah Karim dan Ahmad Jaffni Hassan, (1991), Disiplin Dalam Pendidikan***. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.
- Ariffin bin Hassan. (1998). ***Faktor-faktor Penyebab Masalah Disiplin Di Sekolah***. Tesis Sarjana sains (Pengurusan), Universiti Utara Malaysia.
- Aziz Abu Bakar. (1997). ***Pengaruh Salah laku Pelajar Tingkatan Empat Daerah Yan, kedah***. Tesis Ijazah Sarjana sains (Pengurusan Pendidikan) yang tidak diterbitkan Universiti Utara Malaysia.
- Ibrahim Mamat. (1997). ***Memimpin Remaja Sekolah, Teori dan praktik***. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd..
- Kamarudddin Hj. Husin. (1995). ***Dinamika Sekolah dan Bilik Darjah***. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga***. (1996). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kerlinger, F.N. (1973). ***Faundation Of Behavioral Research, (3 Edition)***. New York : Holt Rinchart and Winston.
- Kortz W.H. (1986) ***Student Dicipline***. Austin : Texas Public School Organization.
- Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979)***. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Malek Murad. (1986). ***Krisis Disiplin Di Kalangan Penuntut Sekolah : Isu Pendidikan Di Malaysia***. Kuala Lumpur : Dewan bahasa dan Pustaka.
- Mok Soon Sang. (1995). ***Asas Pendidikan 3 : Penilaian Dalam Proses pendidikan***. Edisi Kelima. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Masruhan Kyai Choteh Al-Hafiz. (1995). ***Pembentukan Generasi Cemerlang***. Kuala Lumpur : Dewan bahasa dan Pustaka.

- Meng E. A.(1994). ***Siri Pendidikan Pengurusan Sekolah dan Bilik Darjah***. Kuala Lumpur : Fajar bakti Sdn. Bhd.
- Mohd. Shubari bin Lebai mat. (2000). ***Faktor-faktor yang MempengaruhiSalah Laku Pelajar-pelajar Menengah Atas Di Daerah Manjung***. Tesis Sarjana sains (Pengurusan Pendidikan), Universiti Utara Malaysia.
- Muhd. Mansur Abdullah & Siti Nordinar Mohd. Tamin. (1988). ***Psikologi Remaja***. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omardin Ashaari. (1996). ***Pengurusan Sekolah : Satu Panduan Lengkap***. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Omardin Ashaari. (1998). ***Peranan, Tugas dan Tanggungjawab Guru di Sekolah***. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Omar Mohd. Hashim. (1993). ***Pendidikan : Persoalan, Penyelesaian dan Harapan***. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rabiah Sidin dan Ahmad Nadri Mat Daud. (1991). ***Disiplin dan Pengajaran : Satu Kajian Awal dalam Rohaty Mohd. Majzub, T. Subahan Mohd. Meerah, Faridah Karim dan Ahmad Jaffni Hassan. (1991). Disiplin dalam Pendidikan.*** Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.
- Rahimah Ghazali. (1982). ***Pelanggaran Disiplin Di Kalangan Pelajar Perempuan : Satu Kajian kes***. Latihan Ilmiah Diploma Kaunseling, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sekaran, Uma. (1992). ***Research Methods For Business : A skill Approach***. Kanada : John Willy & Sons, Inc.
- Short P.M., Short R.J. and Blanton.C. (1994). ***Rethinking Student Diciplin***. California : Corvin Press, Inc.
- Tajul Ariffin Noordin. (1990). ***Pendidikan Suatu Pemikiran Semula***. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yaakub Isa. (1996). ***Almanak Pendidikan***. Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn. Bhd..
- Sanai Dundang. ***“Masalah Disiplin Pelajar Sekolah Menengah Di Sarawak :Punca dan Penyelesaian”***dlm. Jurnal Pendidikan Sarawak Jilid 1 hlm. 71 – 81, 1998.
- Samad Buang. ***“Masalah Disiplin Di Kalangan Pelajar”***dlm. Dewan Masyarakat, April 1995.

Sheikh Mokhsin Abdullah. ***Masalah Remaja Dari Perspektif Persekolahan.*** dlm. Jurnal Wawasan, Jil. 9, Bil. 1, 1994. hlm. 37 – 51.

Mohd. Redzuan Asli. “ ***Jenayah Di Kalangan Remaja*** “ dlm. Mastika hlm. 15 – 16, Disember 1991.

Masalah Disiplin Menular Di luar Bandar, dlm. Utusan Malaysia, 9 Mei 2001.

4,922,441 Kes disiplin Pelajar Sejak '96, dlm. Utusan Malaysia, 20 Julai 2001.